

Penubuhan Fakulti Islam UMS amat signifikan

Fakulti mampu memperkasa usaha pembangunan ilmu dan penyebaran syiar Islam serantau

UB 08.06.2021 P.5

KOTA KINABALU: Penubuhan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah amat signifikan dengan keperluan semasa untuk memperkasa usaha pembangunan ilmu dan penyebaran syiar Islam di rantau ini.

“Ia sememangnya sudah lama dinantikan oleh para cendekiawan Islam di Sabah, majoriti rakyat Sabah termasuk golongan pelajar pelbagai bidang dalam jurusan pengajian Islam,” kata Presiden Persatuan Graduan Iranun Sabah (PAGISA), Zakaria Haji Barabag.

PAGISA meyakini fakulti baharu ini dapat menyediakan tempat, inisiatif dan sokongan infrastruktur kepada ilmuan dalam pelbagai bidang pengajian agama Islam terus mempergiat aktiviti penyelidikan dan pemban-



ZAKARIA

gunan yang memberi impak secara langsung atau tidak langsung terhadap maslahat umat Islam setempat dan peringkat serantau.

Selain memperkukuh pembangunan bidang ilmu teras tentang Islam, fakulti itu sewajarnya memperluas bidang penyelidikan meliputi ilmu sains, industri dan pelbagai

bidang ilmu lain mengikut perspektif Islam, katanya.

“Misalnya, peranan untuk membangun serta mempromosi Hab Halal bagi menggalakkan pelaburan peringkat domestik dan serantau melalui industri pemakanan patuh syariah,” katanya.

Menurutnya, sebagai sebuah gedung ilmu terbesar di negeri ini, UMS sewajarnya menjadi sumber utama yang merancakkan pertukaran ilmu dalam kalangan cendekiawan Islam, para pelajarnya dan masyarakat Islam setempat.

“Kewujudan fakulti baharu itu dilihat lebih mempermudahkan anak-anak tempatan melalui penawaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi iaitu sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

“Selain melahirkan tokoh-tokoh ilmuan Islam dalam

bidang-bidang yang khusus, sudah pasti bilangan para pendakwah di negeri ini turut mengalami peningkatan pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata fakulti baharu itu juga diharap dapat memperkuuh hubungan serta kerjasama dengan institusi keilmuan lain, jabatan-jabatan agama, pihak swasta dan NGO yang wujud di negeri ini.

“Usaha mewujudkan pelbagai program kerjasama, pengajuran seminar, kursus jangka pendek dan lain-lain mampu memperluas syiar Islam dan memperkuuh pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat.

“Faktor ini dijangka memberikan manfaat besar kepada sebilangan penduduk Islam di Sabah yang belum mendapat akses tentang pen-

didikan Islam sepenuhnya,” katanya.

Menurutnya, UMS juga mempunyai kelebihan dari segi kedudukannya yang strategik di rantau ini kerana lokasinya terletak dalam zon eksklusif pembangunan BIMP-EAGA.

Beliau berkata kedudukan strategik ini adalah peluang besar kepada pihak fakulti memperluas sayapnya membina hubungan dua hala melalui pekerjaan menarik untuk mewujudkan kerjasama pintar dengan institusi berkaitan yang terdapat di beberapa buah negara jiran.

Selain itu, penyediaan peluang pengajian dan inisiatif yang bersesuaian juga mampu menarik para pencinta ilmu dari negara jiran memilih Fakulti Pengajian Islam sebagai destinasi pendidikan tinggi mereka.

Potensi ini dilihat lebih

terserlah dalam kalangan anak-anak keluarga se-derhana dari Bangsamoro Autonomous Region Muslim Mindanao (BARMM) yang sedang dalam proses pembangunan dan kedudukan geografi yang dekat dengan Sabah.

PAGISA turut menggesa peranan pihak kerajaan seperti KPT dan pihak UMS menyegerakan inisiatif dan sokongan infrastruktur kepada pihak fakulti untuk memacu pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian Islam.

“Kerajaan negeri, agensi kerajaan yang lain termasuk GLC dan semua pihak se-wajarnya menyokong penuh sebarang usaha murni pihak Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah,” katanya.